



SKIM INSURANS RAKYAT SABAH

Manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM tertakluk kepada had yang ditetapkan. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi Progressive Insurance Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Bagaimana Insurans anda Berfungsi

Kontrak Insurans Pengguna

Polisi ini dikeluarkan sebagai pertimbangan terhadap bayaran premium seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi dan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh anda di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon insurans ini) serta sebarang pendedahan lain yang dibuat oleh anda antara masa penyerahan Borang Cadangan (atau semasa anda memohon insurans ini) dan masa kontrak ini dimeterai. Jawapan-jawapan tersebut dan sebarang pendedahan yang diberikan oleh anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans ini di antara anda dan kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyataan pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan anda atau dalam mana-mana pendedahan yang diberikan oleh anda, hanya remedi yang diperuntukkan di bawah Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan terpakai.

Polisi ini menetapkan terma dan syarat kontrak insurans sebagaimana yang dipersetujui di antara anda dan kami.

Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Polisi ini dikeluarkan sebagai pertimbangan terhadap bayaran premium seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi dan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh anda di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon insurans ini), serta sebarang pendedahan lain yang dibuat oleh anda antara masa penyerahan Borang Cadangan (atau semasa anda memohon insurans ini) dan masa kontrak ini dimeterai. Jawapan-jawapan dan sebarang pendedahan yang diberikan oleh anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans ini di antara anda dan kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyataan pra-kontrak berhubung dengan jawapan atau mana-mana pendedahan yang diberikan oleh anda, ia boleh mengakibatkan kontrak insurans anda dibatalkan, tuntutan anda ditolak atau dikurangkan, terma polisi diubah, atau kontrak insurans anda ditamatkan.

Polisi ini menetapkan terma dan syarat kontrak insurans sebagaimana yang dipersetujui di antara anda dan kami.

Kami bersetuju untuk menanggung rugi anda mengikut cara dan setakat yang dinyatakan dalam Polisi dan **Jadual Polisi**, berhubung dengan kejadian yang berlaku dalam Tempoh Insurans, atau mana-mana tempoh berikutnya di mana anda membuat bayaran premium yang diperlukan dan kami menerimanya.

Definisi Perkataan

Beberapa perkataan telah ditakrifkan seperti yang dinyatakan di bawah. Perkataan-perkataan tersebut membawa maksud yang sama di mana-mana sahaja ia digunakan di dalam Polisi atau Jadual Polisi dan ditunjukkan dalam Polisi menggunakan cetakan tebal, contohnya **Orang Diinsuranskan**, **Kecederaan** dan sebagainya.

Kami/Kita/Syarikat

bermaksud Progressive Insurance Bhd.

Anda/Diinsuranskan/Orang Yang Diinsuranskan

bermaksud setiap individu yang dinyatakan sebagai sedemikian dalam **Jadual Polisi**.

Pencadang

bermaksud individu atau syarikat yang dinamakan sebagai Pemegang Polisi dalam **Jadual Polisi**. Untuk maksud definisi ini, perkataan "Anda/ Diinsuranskan/Orang Yang Diinsuranskan" hendaklah juga merujuk kepada Pencadang setakat mana yang terpakai.

Kemalangan

suatu kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak diduga dan bersifat kebetulan.

Kecederaan/Kecederaan Badan

kecederaan yang dialami oleh anda yang berpunca semata-mata dan secara langsung daripada kemalangan dan tidak termasuk kecederaan yang berpunca daripada penyakit, sakit atau gangguan perubatan.

Manfaat Bayaran Sekaligus

bermaksud jumlah keseluruhan Pampasan yang diinsuranskan bagi Kematian atau Hilang Upaya, tetapi tidak termasuk sebarang Manfaat Mingguan.

Kemalangan Diri

Kami akan membayar kepada anda pampasan bagi sebarang kemalangan.

Pampasan bagi kematian atau hilang upaya (Manfaat) seperti yang dinyatakan di bawah akan dibayar sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami Kecederaan dan Kecederaan tersebut menjadi punca tunggal kepada kematian atau hilang upaya kekal dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh kemalangan tersebut.

Manfaat		Pampasan
A	Kematian Akibat Kemalangan	RM10,000.00
B.	Hilang Upaya Kekal seperti yang dinyatakan di bawah, sekiranya berlaku dalam tempoh 365 hari dari tarikh Kemalangan .	RM10,000.00
B1	Lumpuh menyeluruh yang tidak dapat dipulihkan, hilang kewarasan sepenuhnya yang tidak dapat dipulihkan atau kecederaan yang mengakibatkan keadaan terlantar di katil secara kekal.	100%
B2	Kehilangan kedua-dua anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali	100%
B3	Kehilangan penglihatan sepenuhnya bagi kedua-dua mata	75%
B4	Kehilangan pendengaran sepenuhnya bagi kedua-dua telinga	50%
B5	Kehilangan pertuturan	50%
B6	Kehilangan satu (1) anggota pada atau di atas paras pergelangan tangan atau buku lali	50%
B7	Kehilangan penglihatan sepenuhnya bagi satu mata	50%
B8	Kehilangan pendegaran sepenuhnya bagi satu telinga	25%
C	Khairat Kematian Tambahan Akibat Kemalangan	RM500.00

Had Pampasan bagi mana-mana Orang Yang Diinsuranskan

1. Kami tidak akan membayar bagi:

- sebarang **Kemalangan** khusus di bawah Manfaat B sekiranya, bagi **Kemalangan** yang sama, pampasan yang lebih tinggi boleh dibayar di bawah bahagian lain Manfaat B yang merangkumi **Manfaat** khusus tersebut,
- Manfaat A sebagai tambahan kepada mana-mana Manfaat B jika disebabkan oleh **Kemalangan** yang sama, kecuali sekiranya bayaran telah dibuat di bawah mana-mana bahagian Manfaat B dan kematian berlaku kemudiannya yang berpunca semata-mata dan secara langsung daripada **Kemalangan** tersebut serta dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dari tarikh **Kemalangan**, maka **Kami** akan membayar perbezaan tersebut sekiranya pampasan yang perlu dibayar di bawah Manfaat A adalah lebih tinggi daripada jumlah yang telah dibayar di bawah Manfaat B,
- lebih daripada 100% daripada Jumlah Modal bagi Manfaat A atau Manfaat B (yang mana lebih tinggi) dalam mana-mana satu tempoh insurans secara agregat bagi mana-mana atau semua Manfaat untuk mana-mana satu **Orang Yang Diinsuranskan**.

HAD PAMPASAN KESELURUHAN

Sekiranya terdapat lebih daripada satu **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah Polisi ini, liabiliti agregat maksimum **Kami** berhubung dengan semua **Orang Yang Diinsuranskan** yang menaiki pesawat udara, kenderaan pengangkutan darat atau kapal yang sama tidak akan melebihi Had Pengangkutan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi atau jumlah agregat Pampasan yang perlu dibayar berhubung dengan **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut, yang mana lebih rendah.

Sekiranya jumlah agregat semua tuntutan bagi **Kecederaan** terhadap **Orang Yang Diinsuranskan** yang menaiki satu pengangkutan yang sama melebihi Had Pengangkutan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi, liabiliti **Syarikat** berhubung dengan setiap **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut hendaklah merupakan bahagian secara berkadar (*pro-rata*) daripada Manfaat yang sepatutnya dibayar berhubung dengan **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut.

Peruntukan Khas

1. Pendedahan

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami suatu **Kemalangan** dan kemudiannya akibat daripada **Kemalangan** tersebut mengalami kematian atau Hilang Upaya akibat pendedahan kepada unsur-unsur semula jadi, **Kami** akan menganggap kematian atau hilang upaya tersebut sebagai telah disebabkan oleh suatu **Kemalangan**.

2. Kehilangan

Kami akan menganggap bahawa kematian telah dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** sekiranya beliau hilang selama dua belas (12) bulan berturut-turut dan bukti yang mencukupi dikemukakan yang membawa kepada kesimpulan bahawa kematian tersebut telah disebabkan oleh suatu **Kemalangan**. Walau bagaimanapun, sekiranya pada bila-bila masa selepas pembayaran Pampasan bagi kematian tersebut **Orang Yang Diinsuranskan** didapati masih hidup, Pampasan tersebut hendaklah dipulangkan kepada **Kami**.

3. Lemas atau Sesak Nafas

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami kematian atau Hilang Upaya akibat lemas atau sesak nafas yang disebabkan oleh wasap beracun, gas atau asap, **Kami** akan menganggap kematian atau Hilang Upaya tersebut sebagai telah disebabkan oleh suatu **Kemalangan**.

PENGECUALIAN AM

Kami tidak akan membayar sebarang pampasan bagi:

1. **Kemalangan**, kematian, kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca daripada atau berkaitan dengan mana-mana perkara yang berikut, tanpa mengambil kira apa-apa sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau dalam apa-apa turutan lain kepada kerugian tersebut:
 - (a) radiasi pengionan daripada atau pencemaran radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau daripada sebarang sisa nuklear, atau pembakaran bahan api nuclear
 - (b) sifat radioaktif, toksik, letupan atau lain-lain sifat berbahaya atau mencemarkan bagi mana-mana pemasangan nuklear, reaktor atau lain-lain pemasangan atau komponen nuklear daripadanya
 - (c) sebarang senjata atau peranti yang menggunakan pembelahan dan/atau pelakuran atom atau nuklear atau lain-lain tindak balas seumpamanya atau daya bahan radioaktif
 - (d) sifat radioaktif, toksik, letupan atau lain-lain sifat berbahaya atau mencemarkan bagi mana-mana bahan radioaktif. Pengecualian dalam sub-klausa ini tidak terpakai kepada isotop radioaktif selain daripada bahan api nuklear apabila isotop tersebut disediakan, dibawa, disimpan atau digunakan untuk tujuan komersial, pertanian, perubatan, saintifik atau lain-lain tujuan aman yang seumpamanya.
2. **Kemalangan** yang disebabkan oleh:
 - (a) perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi menyerupai peperangan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak)
 - (b) perang saudara, pemberontakan, rusuhan awam yang mencapai tahap atau bersamaan dengan kebangkitan rakyat, kebangkitan tentera, penentangan bersenjata, pemberontakan, revolusi, konspirasi, rampasan kuasa tentera atau kuasa yang dirampas
 - (c) undang-undang tentera atau perintah darurat, atau mana-mana peristiwa atau sebab yang membawa kepada pengisytiharan atau pengekalan undang-undang tentera atau perintah darurat tersebut
 - (d) sebarang tindakan oleh mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana Organisasi yang menjalankan aktiviti yang bertujuan untuk menggulingkan secara kekerasan mana-mana Kerajaan *de jure* atau *de facto* atau untuk mempengaruhinya melalui keganasan atau kekerasan, atau perbuatan rompakan, penjarahan atau perampasan yang berkaitan dengan mana-mana kejadian yang dinyatakan di atas.
3. **Kemalangan** yang disebabkan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** terlibat dalam:
 - (a) perjalanan udara kecuali sebagai penumpang dalam pesawat udara yang dilesenkan sepenuhnya untuk membawa penumpang
 - (b) sebarang pekerjaan, aktiviti teknikal atau sukan, atau sebagai anak kapal yang berkaitan dengan mana-mana pesawat udara
 - (c) sebarang pekerjaan atau sebagai anak kapal yang berkaitan dengan mana-mana kapal/vesel dan/atau sebagai pemungkah kapal (*stevedore*)
 - (d) sebarang perkhidmatan atau operasi polis, angkatan tentera, tentera laut atau tentera udara.
4. **Kemalangan** yang disebabkan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** terlibat dalam atau menjalani latihan bagi:
 - (a) terjun paracut
 - (b) geluncur angin
 - (c) sebarang jenis perlumbaan (selain daripada perlumbaan berjalan kaki atau berenang) atau ujian kelajuan atau ketahanan
 - (d) penerokaan gua (*potholing*), pendakian gunung atau panjat tebing yang memerlukan penggunaan jurupandu atau tali
 - (e) aktiviti bawah air yang memerlukan penggunaan udara atau gas termampat.
5. **Kemalangan** yang disebabkan oleh:
 - (a) bunuh diri, kecederaan diri sendiri atau pendedahan sengaja kepada bahaya (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia)
 - (b) kehamilan atau kelahiran anak
 - (c) ketidakwarasan
 - (d) sebarang kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang sedia wujud sebelum kontrak insurans ini dimeterai
 - (e) **Orang Yang Diinsuranskan** berada di bawah pengaruh dadah (selain daripada yang dipreskripsikan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar, tetapi tidak termasuk apabila dipreskripsikan bagi rawatan ketagihan dadah)
 - (f) **Orang Yang Diinsuranskan** berada di bawah pengaruh alkohol, melainkan dapat dibuktikan sehingga memuaskan hati **Kami** secara munasabah bahawa alkohol bukanlah faktor yang menyumbang kepada berlakunya **Kemalangan** tersebut.

Sekiranya **Kami** mendakwa bahawa atas sebab Pengecualian Am ini sesuatu tuntutan tidak dilindungi oleh insurans ini, maka beban pembuktian bahawa tuntutan tersebut sebenarnya dilindungi adalah terletak pada **Anda**.

SYARAT-SYARAT UMUM

Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Polisi ini atau dalam mana-mana Endorsmen adalah sebahagian daripada kontrak ini dan hendaklah dipatuhi. Setakat mana sifatnya membenarkan, syarat-syarat tersebut merupakan syarat terdahulu kepada hak untuk menuntut daripada **Kami**.

1. Kewajipan Pendedahan

i. Kontrak Insurans Pengguna

Sekiranya **Anda** memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah munasabah agar tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon insurans ini), iaitu **Anda** hendaklah menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan tersebut boleh mengakibatkan kontrak insurans **Anda** dibatalkan, tuntutan **Anda** ditolak atau dikurangkan, terma diubah atau kontrak insurans **Anda** ditamatkan selaras dengan remedi yang diperuntukkan di bawah Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan apa-apa perkara lain yang **Anda** ketahui sebagai relevan kepada keputusan **Kami** untuk menerima risiko dan menentukan kadar premium serta terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada **Kami** dengan serta-merta sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, mana-mana maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon Insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

ii. Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Sekiranya **Anda** telah memohon Insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** ketahui sebagai relevan kepada keputusan **Kami** untuk menerima risiko dan menentukan kadar premium serta terma yang akan dikenakan, dan juga apa-apa perkara yang seseorang yang munasabah dalam keadaan tersebut dijangka mengetahui sebagai relevan. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan kontrak insurans **Anda** dibatalkan, tuntutan **Anda** ditolak atau dikurangkan, terma diubah atau kontrak insurans **Anda** ditamatkan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada **Kami** dengan serta-merta sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, mana-mana maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon Insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

2. **Anda** hendaklah memaklumkan kepada **Kami** secara bertulis secepat mungkin selepas **Anda** menyedari sebarang perubahan dalam pekerjaan, jawatan, tugas atau kegiatan mana-mana **Orang Yang Diinsuranskan**, atau sebarang perubahan lain yang boleh meningkatkan kemungkinan berlakunya tuntutan di bawah Polisi ini. **Anda** mungkin dikehendaki membayar premium tambahan akibat daripada perubahan tersebut.
3. **Kami** tidak akan mengiktiraf atau terikat dengan sebarang notis amanah, gadaian atau penyerahan hak (*assignment*) yang berkaitan dengan Seksyen ini, dan resit yang dikeluarkan oleh **Anda** atau wakil peribadi sah **Anda** atau mana-mana pihak yang dinyatakan sebagai perlu dibayar, hendaklah dalam semua keadaan dianggap sebagai pelepasan muktamad liabiliti **Kami** sepenuhnya.
4. Tempoh Insurans dinyatakan dalam Jadual. Polisi ini boleh diperbaharui dengan persetujuan bersama. Polisi ini boleh ditamatkan berkuat kuasa dari tarikh pembaharuan oleh mana-mana pihak dengan memberikan notis bertulis empat belas (14) hari mengenai niat untuk tidak memperbaharui insurans ini.
5. Terma, pengecualian dan syarat Polisi ini, setakat yang berkenaan dan dengan pengubahsuaian yang perlu, hendaklah terpakai kepada wakil peribadi sah **Orang Yang Diinsuranskan**.
6. **Anda** hendaklah memberi notis kepada **Kami** mengenai sebarang insurans lain yang telah berkuat kuasa bagi melindungi mana-mana Manfaat yang diinsuranskan di bawah Polisi ini. Sekiranya notis tersebut tidak diberikan dan serta butir-butir insurans tersebut tidak dinyatakan dalam atau diendoskan pada Polisi ini oleh, atau bagi pihak **Kami** sebelum berlakunya sesuatu **Kemalangan**, maka semua manfaat di bawah Polisi ini berhubung dengan **Kemalangan** tersebut hendaklah lucut hak.

SYARAT-SYARAT TUNTUTAN

Pembayaran tuntutan di bawah Polisi ini adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap terma dan syarat Polisi oleh **Anda**, dan setakat mana yang terpakai, oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau mana-mana penuntut lain.

1. **Anda** hendaklah melaporkan secara bertulis kepada **Kami** secepat yang munasabah dengan memberikan butiran penuh mengenai sebarang **Kemalangan** yang boleh mengakibatkan tuntutan di bawah Polisi ini.
2. **Anda** atau **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah mendapatkan perkhidmatan pengamal perubatan berdaftar dan **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah menjalani apa-apa rawatan yang diperlukan oleh pengamal tersebut.
3. Semua sijil, maklumat dan bukti hendaklah dikemukakan atas perbelanjaan **Anda** atau mana-mana penuntut lain, dalam bentuk dan cara yang ditetapkan.
4. **Orang Yang Diinsuranskan** mungkin dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan tambahan sebagaimana yang dikehendaki oleh **Kami**, dan kosnya akan ditanggung oleh **Kami**.
5. Dalam hal kematian **Orang Yang Diinsuranskan**, **Kami** berhak meminta salinan sijil kematian dan boleh menghendaki pemeriksaan bedah siasat dijalankan atas perbelanjaan **Kami**.
6. **Anda** atau sesiapa yang bertindak bagi pihak **Anda** tidak boleh mengemukakan sebarang tuntutan yang palsu, tidak benar atau dilebih-lebihkan. Sekiranya berbuat demikian, **Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang bayaran di bawah Polisi ini.

7. Sekiranya **Kami** telah menerima sesuatu tuntutan tetapi jumlah bayaran masih dipertikaikan, perkara tersebut hendaklah dirujuk kepada seorang penimbang tara bebas yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Sekiranya berlaku pertikaian yang mengikut Syarat ini hendaklah dirujuk kepada timbang tara, pengeluaran anugerah timbang tara tersebut adalah syarat terdahulu (*condition precedent*) kepada sebarang hak mengambil tindakan terhadap **Syarikat**.
8. Jika **Kami** membuat tawaran sesuatu jumlah sebagai penyelesaian atau menafikan liabiliti sepenuhnya terhadap sesuatu tuntutan, dan tuntutan tersebut tidak dirujuk kepada timbang tara sebagaimana yang ditetapkan dalam Syarat 7 atau tidak dijadikan subjek tindakan mahkamah dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh tawaran atau penafian tersebut, maka tuntutan itu hendaklah dianggap ditinggalkan dan **Syarikat** tidak akan mempunyai sebarang liabiliti berhubung dengannya.

KLAUSA/ENDORSEMEN/JAMINAN YANG BERIKUT TERPAKAI KE ATAS POLISI INI

KLAUSA SYARAT TERDAHULU (CONDITIONS PRECEDENT)

Kesahan Polisi ini adalah tertakluk kepada syarat terdahulu bahawa:

- (a) bagi risiko yang diinsuranskan, penama yang diinsuranskan tidak pernah mengalami sebarang penamatan mana-mana polisi insurans dalam tempoh dua belas (12) bulan yang lalu semata-mata atau sebahagiannya kerana pelanggaran mana-mana syarat Waranti Premium; atau
- (b) jika penama yang diinsuranskan telah mengisytiharkan bahawa beliau telah melanggar mana-mana syarat Waranti Premium berhubung dengan polisi terdahulu yang diambil dengan penanggung insurans lain dalam tempoh 12 bulan yang lalu:
 - i) penama yang diinsuranskan telah membayar sepenuhnya semua premium tertunggak untuk tempoh perlindungan yang dikira oleh penanggung insurans terdahulu berdasarkan kadar jangka pendek lazim (*customary short period rate*) berhubung dengan polisi terdahulu tersebut; dan
 - ii) satu salinan bukti pembayaran premium daripada penanggung insurans terdahulu hendaklah terlebih dahulu diserahkan oleh penama yang diinsuranskan kepada **Syarikat** sebelum perlindungan bermula.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

ENDOSMEN PENERBANGAN DENGAN PESAWAT/HELIKOPTER TIDAK BERJADUAL

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** semasa melakukan perjalanan sebagai penumpang dalam pesawat yang beroperasi di bawah perkhidmatan tidak berjadual atau pesawat sewaan enjin tunggal termasuk helikopter, dengan syarat bahawa pesawat dan/atau helikopter tersebut dilesenkan untuk pengangkutan penumpang dan dikendalikan oleh juruterbang yang berkelayakan.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

ENDOSMEN RUKUN TETANGGA

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau **Kecederaan Badan** yang dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** yang timbul akibat **Kemalangan** semasa menjalankan rondaan Rukun Tetangga.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

KLAUSA PEMBERITAHUAN KERUGIAN (60 HARI)

Polisi ini tidak akan diprejudiskan oleh sebarang kelewatan, kesilapan atau ketinggalan yang tidak disengajakan dalam memaklumkan kepada **Syarikat** mengenai apa-apa keadaan atau peristiwa yang menimbulkan atau berkemungkinan menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, dengan syarat notis hendaklah diberikan kepada **Syarikat** sebaik sahaja kejadian tersebut diketahui oleh **Orang Yang Diinsuranskan** dan dalam apa jua keadaan tidak lewat daripada enam puluh (60) hari dari tarikh kejadian tersebut.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

KLAUSA MENUNGGANG MOTOSIKAL

Polisi ini akan meliputi **Orang Yang Diinsuranskan** semasa menunggang motosikal sebagai penumpang atau pembonceng sama bagi tujuan persendirian atau perniagaan, dengan syarat bahawa **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab membuat sebarang bayaran berhubung dengan kematian atau **Kecederaan** yang timbul daripada atau disebabkan oleh penglibatan **Orang Yang Diinsuranskan** dalam perlumbaan, penetapan rentak (*pace-making*), pertandingan kelajuan, ujian ketahanan atau ujian-ujian lain seumpamanya.

Adalah menjadi syarat terdahulu kepada liabiliti bahawa **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah memakai topi keledar jenis yang diluluskan ketika menunggang motosikal.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

KLAUSA MAKANAN DAN MINUMAN

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau **Kecederaan** yang dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** yang berpunca secara langsung daripada keracunan makanan akibat pengambilan makanan atau minuman.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

ENDOSMEN MEMBURU

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** semasa terlibat dalam aktiviti memburu, dengan syarat bahawa **Orang Yang Diinsuranskan** memiliki kelulusan, permit atau lesen yang sah untuk memiliki dan menggunakan senjata api bagi tujuan memburu sahaja.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

ENDOSMEN PENCULIKAN

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau **Kecederaan** badan yang dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** yang timbul daripada penculikan.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

ENDOSMEN GIGITAN SERANGGA, ULAR, BINATANG PEROSAK DAN HAIWAN

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian dan **Kecederaan Badan** (tidak termasuk penyakit) yang dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** akibat gigitan serangga berbahaya, ular, haiwan perosak atau haiwan berbahaya.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

KLAUSA PENGECUALIAN PENGENALAN TARIKH ELEKTRONIK

Adalah diperhatikan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dipinda seperti berikut:

- A. **Syarikat** tidak akan membayar sebarang kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan penggunaan sama ada dengan atau tanpa kerosakan fizikal, **Kecederaan** (termasuk **Kecederaan Badan**), perbelanjaan yang ditanggung atau sebarang kerugian yang berbangkit secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada, atau timbul daripada kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, peralatan pemprosesan data, media, mikrochip, sistem pengendalian, mikropemproses (cip komputer), litar bersepadu atau peranti seumpamanya, atau mana-mana perisian komputer, sama ada milik **Orang Yang Diinsuranskan** atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, semasa atau selepas tahun 2000, yang berpunca daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian tersebut seperti disenaraikan di atas untuk:
1. mengenal pasti dengan tepat mana-mana tarikh sebagai tarikh kalendar yang sebenar;
 2. menangkap, menyimpan, mengekalkan, dan/atau memanipulasi, mentafsir atau memproses dengan tepat sebarang data atau maklumat atau arahan akibat daripada menganggap mana-mana tarikh sebagai selain daripada tarikh kalendar sebenar; dan/atau
 3. menangkap, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan tepat mana-mana tarikh akibat daripada pengendalian mana-mana arahan yang telah diprogramkan ke dalam mana-mana perisian komputer, iaitu arahan yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk menangkap, menyimpan, mengekalkan atau memproses data tersebut dengan tepat pada atau selepas mana-mana tarikh.
- B. Adalah selanjutnya dipersetujui bahawa **Syarikat** tidak akan membayar kos pembaikan atau pengubahsuaian mana-mana bahagian sistem pemprosesan data elektronik atau mana-mana bahagian peranti dan/atau perisian seperti yang disenaraikan dalam A.
- C. Adalah selanjutnya dipersetujui bahawa **Syarikat** tidak akan membayar sebarang kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan penggunaan sama ada dengan atau tanpa kerosakan fizikal, **Kecederaan** (termasuk **Kecederaan Badan**), perbelanjaan yang ditanggung atau sebarang kerugian turutan yang secara langsung atau tidak langsung timbul daripada apa-apa nasihat, perundingan, reka bentuk, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan atau penyeliaan yang dilakukan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau untuk **Orang yang Diinsuranskan** atau oleh/untuk pihak lain bagi menentukan, membetulkan atau menguji apa-apa kegagalan, kerosakan fungsi atau kekurangan sebenar atau berpotensi seperti yang diuraikan dalam Perenggan A di atas.
- D. Difahami selanjutnya bahawa **Syarikat** tidak akan membayar sebarang kerugian berbangkit yang berpunca daripada ketidakupayaan berterusan komputer dan peralatan seperti yang diuraikan dalam Perenggan A di atas untuk mengenali dengan tepat mana-mana tarikh sebagai tarikh kalendar sebenar selepas harta yang hilang atau rosak telah diganti atau dibaiki.

Sebarang kerugian atau kerosakan, **Kecederaan** (termasuk **Kecederaan Badan**), perbelanjaan yang ditanggung atau apa-apa kerugian berbangkit yang dirujuk dalam A, B, C atau D di atas adalah dikecualikan tanpa mengira apa-apa sebab lain yang menyumbang secara serentak atau dalam apa-apa turutan lain pada kejadian yang sama.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

KLAUSA PENGECUALIAN KEGANASAN NUKLEAR, KIMIA ATAU BIOLOGI

Walau apa jua peruntukan lain dalam Polisi ini atau mana-mana Endosmen padanya, Polisi ini tidak melindungi sebarang kerugian yang secara langsung atau tidak langsung berpunca daripada, berkaitan dengan, atau disebabkan oleh sebarang perbuatan keganasan nuklear, kimia atau biologi (seperti yang ditakrifkan di bawah), tanpa mengambil kira apa-apa sebab lain yang menyumbang secara serentak atau dalam apa-apa turutan lain.

Bagi tujuan endosmen ini:

"Keganasan nuklear, kimia atau biologi" bermaksud penggunaan sebarang senjata nuklear atau peranti atau pelepasan, penyebaran, pembebasan, atau pelarian mana-mana agen kimia dan/atau biologi dalam tempoh insurans oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, keagamaan atau ideologi termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menimbulkan ketakutan kepada orang awam atau mana-mana bahagian daripadanya.

Agen “kimia” bermaksud sebarang sebatian kimia yang, apabila disebarkan atau digunakan dengan sewajarnya, menghasilkan kesan yang melemahkan, merosakkan atau membawa maut kepada manusia, haiwan, tumbuhan atau harta benda.

Agen “biologi” bermaksud mana-mana mikroorganisma patogenik (penyebab penyakit) dan/atau toksin yang dihasilkan secara biologi (termasuk organisma yang diubah suai secara genetik dan toksin yang disintesis secara kimia) yang menyebabkan penyakit dan/atau kematian pada manusia, haiwan atau tumbuhan.

Jika **Kami** menyatakan bahawa sesuatu kerugian tidak dilindungi oleh insurans ini berdasarkan pengecualian ini, maka beban pembuktian bahawa kerugian tersebut dilindungi adalah terletak pada **Anda**.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

ENDOSMEN PEMBUNUHAN, SERANGAN ATAU SEBARANG CUBAAN TANPA PROVOKASI

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian atau **Kecederaan Badan** yang dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** akibat daripada Pembunuhan, Serangan atau sebarang cubaan tanpa provokasi. Walau bagaimanapun, perlindungan ini tidak terpakai sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** melakukan atau cuba melakukan perbuatan tersebut.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

KLAUSA PEMBAYARAN ATAS AKAUN

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kerugian di bawah insurans ini, **Syarikat** akan membuat bayaran atas akaun berhubung dengan kerugian tersebut kepada **Orang Yang Diinsuranskan** sekiranya dikehendaki.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

KLAUSA HAD DAN PENGECCUALIAN SEKATAN (LMA 3100)

Tiada penanggung insurans atau penanggung semula insurans akan dianggap memberikan perlindungan dan tiada penanggung insurans atau penanggung semula insurans akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau memberikan sebarang manfaat di bawah ini setakat mana penyediaan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan tersebut atau pemberian manfaat tersebut akan mendedahkan penanggung insurans atau penanggung semula insurans kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

WARANTI TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN (CASH BEFORE COVER WARRANTY)

Adalah menjadi terma asas dan mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa premium penuh mestilah dibayar dan diterima oleh **Orang Yang Diinsuranskan** sebelum perlindungan insurans di bawah Polisi, pengendorsan atau pembaharuan (mengikut mana-mana yang berkenaan) boleh berkuat kuasa.

Sekiranya premium yang perlu dibayar diterima oleh ejen yang diberi kuasa oleh Penanggung Insurans, pembayaran tersebut dianggap telah diterima oleh Penanggung Insurans bagi tujuan waranti ini. Tanggungjawab untuk membuktikan bahawa premium yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans, yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium tersebut adalah terletak kepada Penanggung Insurans.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

PENTING—Orang Yang Diinsuranskan diminta untuk membaca Polisi ini. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan atau keterangan yang tidak tepat, Polisi ini hendaklah dikembalikan ke pejabat pengeluar untuk pembetulan.

KETERANGAN & KENYATAAN POLISI

1. Di bawah rangka kewaspadaan Kawalan Korporat, cara-cara berikut telah disediakan kepada sesiapa yang ingin membuat aduan:-

- a) Pegawai Khidmat Pelanggan Progressive Insurance Bhd (197401001891 / 19002-P) ("Syarikat") di tel: 1-800-888-458 atau faks: +603-21188103. Bagi bahagian cawangan, segala aduan boleh ditujukan kepada Pengurus Cawangan yang akan memanjangkan kepada Pegawai Khidmat Pelanggan.
- b) Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) di tel: 03-22722811
Pemegang polisi yang tidak berpuas hati dengan keputusan sesebuah syarikat insurans boleh menulis surat aduan kepada FMOS dengan butir-butir pertikaian, nama syarikat insurans dan nombor polisi. Salinan surat antara pemegang polisi dan pihak syarikat insurans perlu diserahkan kepada FMOS untuk rujukan.

Pihak Syarikat adalah terikat kepada keputusan FMOS. Pemegang polisi boleh memilih sama ada bersetuju atau tidak. Persetujuan hanya diterima secara bertulis dalam tempoh 14 hari. Pihak Syarikat akan menyelesaikan tuntutan dalam tempoh 30 hari dari persetujuan pemegang polisi. Sekiranya pemegang polisi tidak berpuas hati dengan keputusan FMOS, beliau boleh memilih untuk mengambil tindakan alternatif undang-undang. Tidak ada yuran bayaran yang dicaj untuk perkhidmatan FMOS.

Alamat ialah:-

Financial Markets Ombudsman Service (FMOS)

Level 14, Main Block
Menara Takaful Malaysia
No. 4 Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

- c) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia (BNM) di talian: 1-300-88-5465 atau laman web: <https://bnm.gov.my/BNMLINK>.
Pemunya polisi yang tidak puas hati dengan bimbingan pihak syarikat insurans boleh membuat aduan kepada Jabatan Komunikasi Korporat di BNM dengan butir-butir pertikaian, nama pihak syarikat insurans dan nombor polisi atau nombor tuntutan. Sokongan dokumen perlu diserahkan untuk rujukan.

Alamat ialah:-

BNMLINK

4th Floor, Podium Bangunan AICB
No. 10, Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur

2. Bersandarkan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001, sebarang 'Transaksi yang Mencurigakan' seperti yang termaktub di bawah undang-undang hendaklah dilaporkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan di Bank Negara Malaysia.
3. Boleh dikatakan di mana terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna dalam peruntukan Bahasa Inggeris atau peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian kontrak, adalah dipersetujui bahawa versi kontrak Bahasa Inggeris akan mengatasi dan diikuti.
4. **KEBENARAN UNTUK MENGGUNAKAN MAKLUMAT PERIBADI** : Mana-mana maklumat peribadi yang dikumpulkan atau dipegang oleh pihak Syarikat (sama ada terkandung dalam permohonan ini atau diperolehi dengan cara lain) yang diberikan kepada pihak Syarikat dan boleh dipegang, digunakan dan didedahkan oleh pihak Syarikat kepada individu, badan atau organisasi yang menyediakan perkhidmatan, organisasi yang berkaitan dengan Syarikat atau mana-mana pihak ketiga yang dipilih (dalam atau luar Malaysia, termasuk syarikat-syarikat reinsurans dan penyiasatan tuntutan dan persatuan/perbadanan industri) bagi tujuan menyimpan dan memproses permohonan ini dan memberikan perkhidmatan seterusnya untuk produk dan perkhidmatan kewangan Syarikat dan pepadanan data, soal selidik dan untuk berkomunikasi dengan saya/kami untuk tujuan seperti itu. Saya/Kami faham bahawa saya/kami berhak memperoleh akses kepada, dan membuat pembetulan kepada apa-apa maklumat peribadi yang dipegang oleh pihak Syarikat berkaitan dengan saya/kami. Permohonan seperti itu boleh dibuat secara menulis kepada pihak Syarikat di Pegawai Perlindungan Data, Progressive Insurance Bhd, Level 6,9 dan 10, Menara Cosway, Plaza Berjaya, 12, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur atau menelefon: 03-21188128 atau 1-800-888-458 atau faks: +603-21188098 atau e-mel: dpo@progressiveinsurance.com.my.

Dengan menyerahkan maklumat peribadi anda, anda menunjukkan persetujuan anda untuk membenarkan pihak Syarikat berkomunikasi dengan anda berkenaan produk terbaru, perkhidmatan dan acara-acara baru pihak Syarikat. Jika anda tidak mahu dihubungi oleh pihak Syarikat, anda boleh pilih keluar bila-bila masa dengan menulis kepada pihak Syarikat seperti di atas. Untuk Notis Privasi, sila rujuk laman web kami: www.progressiveinsurance.com.my